

# Hubungan dunia Islam rapat

# Mahathir puji

# Raja Khalid

# yang punya

# pandangan jauh

15 H. 29 JAN 1981

**TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini memuji Raja Khalid bin Abdul Aziz dan mensifatkannya sebagai 'Negarawan berpandangan jauh lagi bijaksana untuk kepentingan ummah dan dunia'.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, perutusan Raja Khalid yang menarik sewaktu merasmikan Sidang Puncak Pertubuhan Persidangan Islam (COIC) merupakan contoh mengapa Arab Saudi harus disifatkan sebagai pejuang perpaduan dan kerjasama umat Islam tulin.

"Malaysia berpeluang mewujudkan perhubungan dengan Kerajaan Arab Saudi untuk suatu jangka waktu yang menggalakkan, di mana kita telah bersama-sama berusaha memperteguh kerjasama dan perpaduan umat Islam," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kemesraan yang terjalin sekian lama ini antara kedua buah negara di bidang dua hala mahupun dalam konteks persidangan Islam, membuatkan Malaysia mengenali jasa dan usaha Raja Khalid sebagai seorang negarawan.

Bellau berkata, peranan OIC di arena politik antarabangsa semakin dirasai semenjak ia ditubuhkan kira-kira se abad lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sidang kemuncak tersebut juga seharusnya menyedari bahawa terdapat kira-kira 800 juta kaum muslimim yang tidak diwakili di sini tetapi mengharapkan sesuatu darinya.

**TAIF (Arab Saudi)**  
**Rabu**

"Saudara-saudara kita yang kurang bernasib baik ini yang berselerak di Timur dan Tenggara Asia, Pasifik, negara-negara komunis, Eropah Timur dan Mediterranean Timur, Afrika Selatan, Albania dan lain-lain bagaimanapun mempunyai hak untuk mengharapkan sesuatu dari kita bagi mengurangkan penderitaan mereka," katanya.

## Pemulauan

Timbalan Perdana Menteri menambah bahawa umat Islam benar-benar mengharapkan OIC dan 42 negara anggotanya untuk memperjuangkan nasib mereka.

Sementara itu, negara-negara Islam yang menyertai persidangan tersebut menyokong rancangan mengenakan pemulauan ekonomi sepenuhnya ke atas Israel dalam usaha membebaskan kota Baitulmuqaddis.

Rancangan tersebut, yang akan diumumkan diakhir persidangan akan juga dikenakan ke atas sebarang negara yang merestui tindakan Israel menguasai bahagian kota Baitulmuqaddis yang diuntukkan orang Arab dan mengumumkan kota tersebut sebagai kota suci umat Islam, Kristian dan Judaisma sebagai ibu negeranya yang berkekalan.

Selain dari pemulauan 42 negara-negara anggota OIC, rancangan bantuan ketenteraan kepada komando-komando Palestin akan juga ditambah.

Putera Mahkota Fahd mengutuk tindakan Amerika Syarikat dan Soviet Russia kerana membantu Israel dan campurtangan di Afghanistan.

Bellau menggesa Amerika supaya menghentikan sokongannya kepada Israel dan Russia meninggalkan Afghanistan dengan segera.

Berucap di persidangan kemuncak di sini, Putera Mahkota tersebut menuduh Amerika Syarikat sebagai "Menyebabkan Israel bertapak dibumi Arab."

Bellau menggesa Presiden Reagan supaya menimbangkan seruan Arab dan negara-negara Islam supaya Israel berundur dari Baitulmuqaddis dan kawasan-kawasan lain dan merestui hak rakyat Palestin untuk mendirikan kerajaannya di bumi sendiri.

Putera Fahd mensifatkan pencabulan Afghanistan oleh Russia sebagai satu lagi cabaran yang serius kepada umat Islam.

Bellau berpendapat pencabulan ini mengancam keselamatan dan kestabilan keseluruhan rantau tersebut kerana pencabulan tersebut dilakukan oleh sebuah kuasa besar yang seharusnya bertindak hanya untuk kepentingan keamanan dan kestabilan dunia.

Bellau kemudiannya menjanjikan bantuan kewangan AS\$1,000 juta kepada Bank Pembangunan Islam (IDB) dan mensifatkan bank tersebut sebagai pencapaian yang paling membanggakan oleh OIC.

Putera Fahd juga mengumumkan penambahan AS\$1 billion sebagai sumbangan Arab Saudi kepada OIC bagi membantu dan menggalakkan pembangunan dunia Islam.

Bellau berkata dalam dunia di mana keadaan ekonomi dan sosialnya tidak seimbang, adalah penting bagi pemimpin-pemimpin Islam menyedari aspirasi-ummat Islam untuk hidup dengan lebih sempurna dan dihormati.